



Headline	Sapura, TNB menang tipis suku akhir pertama Piala TNB		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 May 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	197,952
Page No	45	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	215 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,249
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,748

Sapura, TNB menang tipis suku akhir pertama Piala TNB

KUALA LUMPUR - Juara dua kali Piala TNB, Sapura terpaksa bekerja keras sebelum meraih kemenangan 3-2 menewaskan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) pada saingan suku akhir pertama di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, semalam.

Sungguhpun kemenangan tersebut bukan bekalan selesa buat Sapura melangkah ke perlawanan suku akhir kedua esok, namun jurulatih pasukan itu, Tai Beng Hai tetap yakin dengan kemampuan anak buahnya

untuk memburu trofi Piala TNB tahun ini.

Tambah Beng Hai, masih ada kelemahan yang perlu diperbaiki untuk pertemuan kedua Jumaat ini.

“Saya masih anggap kemenangan ini satu kelebihan buat pasukan kami cuma pada perlawanan ini kedua-dua pasukan bermain dengan penuh berhati-hati,” katanya kepada pemberita selepas tamat perlawanan tersebut di sini, semalam.

Gol pertama Sapura hadir menerusi pemain import dari Pakistan Muhammad Zubair seawal minit keempat sebelum Khasif Ali menambah jaringan melalui pukulan sudut penalti minit ke-34.

Babak kedua perlawanan berlangsung sengit dengan kedua-dua pasukan melakukan beberapa percubaan sebelum UniKL mendapatkan jaringan pada minit ke-50 menerusi pukulan sudut penalti Mohd. Noor Faez Ibrahim.

Gol pertama UniKL tidak menghalang Sapura menjarakkan kedudukan menerusi Khasif minit ke-59.

Satu lagi gol UniKL hadir melalui Mohd. Noor Faez minit ke-65 hasil jaringan pukulan sudut penalti.

Dalam pada itu, keputusan lain dalam aksi sama semalam menyaksikan TNB turut meraih kemenangan tipis 3-2 ketika menentang Terengganu HT.



PEMAIN UniKL, Muhammad Rashid Baharom (kanan) mengawal bola daripada dirampas pemain Sapura pada aksi Piala TNB di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil, semalam.